



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS KASIH PEKEBUN DAN GAP CHALLENGE PERINGKAT RISDA NEGERI PAHANG TAHUN 2020**

**YBHG. EN. ABDULLAH BIN ZAINAL  
KETUA PENGARAH RISDA**

**DEWAN INDRA GAJAH, KG. BUDU, BENTA  
05 DISEMBER 2020 (SABTU)  
11.00 PAGI**

SAUDARA PENGACARA MAJLIS

YB. DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD  
TIMBALAN MENTERI 1 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD.  
RAZAK

PENGERUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI ASAS  
TANI DAN BIOTEKNOLOGI NEGERI PAHANG  
MERANGKAP ADUN BENTA

YH. DATO MOHAMAD HAFIZI BIN IBRAHIM  
PEGAWAI DAERAH LIPIS

YH. DATO' MOHD A.ARUWAN BIN AB AZIZ  
PENGARAH KPLB NEGERI PAHANG

YBRS. EN. MOHAMAD JAZLANUDDIN BIN AZMI  
PENGARAH RISDA NEGERI PAHANG

PENGARAH-PENGARAH JABATAN/AGENSI KPLB PAHANG

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul dalam **Dewan Indra Gajah, Kg. Budu** pada pagi ini bagi sama-sama menjayakan '**Majlis Kasihi Pekebun dan Penutup G.A.P Challenge Peringkat RISDA Negeri Pahang**' pada hari ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Seri Hj. Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri 1 Kementerian Pembangunan Luar Bandar atas kesudian menghadiri dan

menyempurnakan majlis pada hari ini walaupun YB sentiasa sibuk di Parlimen dan tugasan di Kementerian. Seperti yang kita semua sedia maklum, hampir keseluruhan Malaysia masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) namun negeri Pahang dikecualikan dari PKPB tersebut. Jesteru saya berharap hadirin yang hadir pada hari ini dapat sama-sama mematuhi dan mengamalkan SOP COVID-19 yang betul. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua peserta yang hadir memeriahkan majlis pada hari ini.

YB. Dato' dan hadirin sekalian,

2. Pada tahun ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) masih meneruskan lagi usaha bagi meningkatkan daya saing serta memastikan masyarakat luar bandar mampu menjana ekonomi setanding di bandar. Sehubungan dengan itu, semua agensi di bawah KPLB dipertanggungjawabkan untuk bersama menjayakan matlamat ini. RISDA bakal diberi peruntukan

sebanyak RM410.8 juta untuk tahun 2021 bagi menguruskan program-program pembangunan seperti tanam semula, keusahawanan, produktiviti, agro makanan serta mempergiatkan aktiviti hiliran Syarikat Milikan RISDA (SMR). Moga dengan peruntukan yang bakal disediakan ini dapat memastikan masyarakat luar bandar dan pekebun kecil menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan bermakna.

YB. Dato' dan hadirin sekalian,

3. Untuk makluman semua, Amalan pertanian baik (GAP) telah dimulakan oleh RISDA pada tahun 2012. GAP merupakan aspek terpenting bagi memastikan tempoh keremajaan dan produktiviti tanaman getah dan sawit dapat dicapai mengikut matlamat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan dan pengamalan GAP yang betul dan mengikut norma yang sesuai serta teknologi-teknologi yang disyorkan perlu diterapkan kepada semua pekebun kecil agar amalan tersebut berjaya dilaksanakan.

4. Bagi terus memperkasakan pelaksanaan dan pengamalan GAP di lapangan, Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi, RISDA telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pertandingan GAP Challenge. Di dalam pertandingan GAP Challenge ini, para peserta yang terdiri dinilai dari aspek ketepatan maklumat, kaedah aplikasi dan juga cara penggunaan peralatan berkenaan dari GAP 1 hingga GAP 5. Para peserta juga dinilai dari segi keyakinan, gaya penyampaian, kreativiti, kerjasama kumpulan dan juga interaksi dengan para

penonton. Secara tidak langsung dapat memupuk sifat berani mencuba dan berani berhadapan dengan orang ramai dikalangan kakitangan RISDA mahupun dari kalangan pekebun kecil.

YB. Dato' dan para hadirin sekalian,

5. Selain dari aktiviti tanam semula, RISDA meneruskan program mempelbagaikan pendapatan dengan menyalurkan bantuan keusahawanan kepada pekebun kecil melalui Aktiviti

Ekonomi Tambahan (AET) dengan peruntukan sebanyak RM28 juta bagi tahun ini. Bantuan ini telah berjaya melahirkan sebanyak 1,558 usahawan dalam bidang makanan, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan pada tahun ini. Selain itu, RISDA juga menyediakan pelbagai program di bawah Pembangunan Usahawan termasuk Pembungkusan dan Pelabelan, Akreditasi dan pensijilan serta lain-lain program.

YB. Dato' dan para hadirin sekalian,

6. Untuk makluman semua, berikutkan harga komoditi getah yang tidak menentu, RISDA menggalakkan Pekebun Kecil berusaha menceburi bidang lain sebagai sumber pendapatan tambahan selain hasil tanaman komoditi selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri. RISDA juga telah merancang dan menetapkan pelan tindakan baharu antaranya Program Pembangunan Hasil Baharu Agro Makanan bagi memperbaiki taraf sosio-ekonomi pekebun kecil melalui 3 bidang utama iaitu Ternakan, Tanaman Jangka Pendek dan Tanaman Jangka

Panjang. Antara objektif program ini adalah pekebun kecil dapat menjana pendapatan sampingan melalui agihan keuntungan atau jualan hasil ternakan dan tanaman agar sasaran pendapatan sebanyak RM4,000.00 sebulan sekeluarga tercapai.

YB. Dato' dan para hadirin sekalian,

7. RISDA merupakan sebuah badan berkanun yang masih relevan untuk membela dan menjaga kebijakan pekebun kecil.

Hampir 500,000 orang pekebun bernaung di bawah RISDA dan kami sentiasa komited dalam usaha untuk memperkasakan masyarakat luar bandar yang mana kami ingin pastikan bahawa mereka tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan negara dan dalam masa yang sama, kebajikan mereka sentiasa terjaga.

8. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kepada YB Dato' Seri Hj. Abdul Rahman Bin Mohamad,

Timbalan Menteri 1 KPLB atas kesudian menghadiri dan menyempurnakan majlis pada hari ini. Juga ucapan terima kasih kepada YB Exco dan Adun /Dato' serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Pahang yang telah berusaha untuk menjayakan majlis pada hari ini. Mudah-mudahan apa yang kita laksanakan ini akan sentiasa dipermudahkan dan mendapat keredhaan Allah S.W.T..

Sekian,  
Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Terima Kasih.